

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN
ANTARABANGSA

TARIKH: 07.12.2022 MASA: 2.30pm

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH PERTANDINGAN
VIDEO TIK TOK "PENGURUSAN SISA ORGANIK"
PERINGKAT SEKOLAH MENENGAH SEBERANG PERAI

TARIKH / MASA / TEMPAT
08 DISEMBER 2022 (KHAMIS)
2.30 PETANG

AUDITORIUM MBSP
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Petang dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya dapat kita berkumpul bersama-sama dalam menjayakan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Video Tik Tok "Pengurusan Sisa Organik" bertempat di Auditorium Menara MBSP.

Saya mengalu-alukan kehadiran Puan Josephine Tan Mei Ling, Pengarah Urusan *Penang Green Council* (PGC), Ahli-Ahli Majlis, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan MBSP, rakan-rakan media, tuan-tuan dan puan-puan untuk bersama-sama memeriahkan majlis kita pada hari ini.

Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Encik Viswanathan Paramasivam dan pasukan beliau daripada Flex Penang atas komitmen mereka dan kerjasama dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam program Pertandingan Video Tik Tok "Pengurusan Sisa Organik".

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,

Prinsip asas pengurusan sisa adalah untuk memelihara alam sekitar dan bergerak ke arah pembangunan mampan. Ini secara praktikalnya, dilaksanakan oleh MBSP dengan mengurangkan penajanaan sisa melalui penggunaan konsep atau kaedah *MBSP Smart Consumption Model 8R* iaitu *Rethink; Refuse; Reduce; Re-use; Repair; Re-gift; Recover; dan Recycle*.

Menurut kajian yang dijalankan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) pada tahun 2012, sisa organik merupakan sisa yang paling banyak dijana di Malaysia, iaitu sebanyak 31% hingga 45% daripada jumlah keseluruhan sisa yang dijanakan setiap hari. Di samping itu, pereputan sisa organik yang dilupuskan di tapak pelupusan sisa adalah merupakan punca utama penghasilan *Greenhouse Gas* (GHG) dari sektor pengurusan sisa di Malaysia.

Menurut laporan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) bersama dengan *United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC), tapak pelupusan sisa merupakan punca terbesar pelepasan gas metana (47%) yang merupakan gas perosak lapisan ozon yang utama, iaitu 21 kali ganda lebih daripada kerosakan yang diakibatkan

oleh gas karbon dioksida. Pengurangan sisa organik di punca merupakan salah satu pendekatan penting hierarki pengurangan sisa.

Pengurusan sampah dan pembersihan awam menelan belanja yang tinggi yang harus dipikul oleh MBSP. Dengan pengurangan sisa organik di punca akan mengurangkan kos pengendalian sisa makanan oleh penjana sisa dan mengurangkan jumlah sisa yang dihantar ke tapak pelupusan.

MBSP bersama-sama Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memulakan langkah-langkah awal untuk mengawal dan mengurangkan sisa-sisa organik ke tapak pelupusan sampah melalui pelbagai program *Waste To Protein*, *Waste To Compost* dan *Waste To Energy*. Antara usaha-usaha yang telah dilaksanakan ialah Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, Kempen Makan Sampai Habis, Program Kitar Semula dan *Upcycle*, Smart Consumption Model 8R, Program LA21, penggunaan mesin kompos *Economical Food Waste Composter* atau EFWC dan pelbagai program agar dapat mewujudkan persekitaran yang bersih dan hijau.

Saya harus memberi pengiktirafan ini kepada anda semua dan semua komuniti Seberang Perai kerana kita berada di landasan yang betul. Pengurusan sampah yang baik terutamanya sisa organik atau sisa

makanan akan mengurangkan bau busuk, mencegah pembiakan makhluk perosak dan sekaligus memastikan alam sekitar lebih selesa dan sihat untuk didiami.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,

Pada tahun ini, MBSP bersama-sama *Penang Green Council* dan Flex Penang telah memberi fokus kepada pengurusan sisa organik dengan melaksanakan pertandingan Video Tik Tok Pengurusan Sisa Organik bagi murid-murid sekolah menengah di Seberang Perai. Pertandingan ini diadakan untuk memupuk kesedaran dan mendidik pelajar tentang pengurusan sisa organik. Di samping itu, ianya juga mewujudkan platform kepada generasi muda untuk menyuarakan pendapat mereka berkaitan pengurusan sisa organik. Secara keseluruhannya, pertandingan Video Tik Tok ini dapat meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan pengurusan dan perlindungan sumber alam sekitar serta menyesuaikan gaya hidup individu yang melestarikan sumber semula jadi.

Pertandingan ini terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Seberang Perai secara individu atau berkumpulan, yang turut menyertai Anugerah Sekolah Hijau. Tempoh video tidak boleh melebihi 90 saat.

Penggambaran video mesti berasaskan tema “Pengurusan Sisa Organik”. Video Tik Tok yang dimuat turun dinilai oleh panel hakim yang telah ditetapkan. Penilaian dan penghakiman adalah berdasarkan kepada pematuhan syarat-syarat dan format pertandingan seperti yang telah digariskan. Perincian pemarkahan mengambil kira Kandungan (Jalan Cerita) 30%, Nilai Pendidikan 30%, Kreativiti 25%, Kemahiran 10%, dan Populariti (mempunyai “Like” yang banyak) 5%.

Hari ini kita kan menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang Pertandingan Video Tik Tok Pengurusan Sisa Organik yang berupa hadiah wang tunai berserta sijil penghargaan:-

Johan: RM 600.00 dan sijil penghargaan

Naib Johan: RM 500.00 dan sijil penghargaan

Tempat Ketiga: RM 400.00 dan sijil penghargaan

Tempat Keempat: RM 300.00 dan sijil penghargaan

Tempat Kelima: RM 200.00 dan sijil penghargaan

Lima (5) Saguhati: RM 100.00 dan sijil penghargaan

Saya amat berharap dengan adanya pertandingan ini, akan berjaya menarik dan memupuk minat golongan para pelajar untuk menjadikan aktiviti pemeliharaan alam sekitar sebagai satu budaya.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,

Saya mengucapkan Tahniah dan Syabas kepada pemenang-pemenang Pertandingan Video Tik Tok yang akan diumumkan sebentar lagi. Bagi yang tidak berjaya, jangan putus asa, walaupun tidak berjaya untuk menjadi Johan tetapi sebenarnya anda semua telah berjaya menunjukkan komitmen yang tinggi dan mendalami ciri-ciri amalan hijau dengan cemerlang ke arah perubahan alam sekitar yang positif. Saya berharap ianya dapat memberi inspirasi kepada semua untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Hijau.

MPSP ingin mengucapkan terima kasih kepada *Penang Green Council* dan Flex Penang serta guru besar sekolah-sekolah yang menyertai pertandingan ini. Diharap dengan adanya pertandingan ini, akan berjaya menarik dan memupuk minat golongan para pelajar dan para pendidik untuk menjadikan aktiviti pemeliharaan alam sekitar sebagai satu budaya. Agensi pendidikan adalah satu titik mula yang penting dalam membentuk

masyarakat yang menjaga dan mencintai alam sekitar sejajar dengan matlamat Majlis Bandaraya Seberang Perai untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama membantu MBSP untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami dan menjadi satu masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar dan terlibat secara aktif dalam menjayakan aktiviti kitar semula.

Sekian. Terima Kasih

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh